



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2021; SERTA LKAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI TAHUN 2021

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021; dan LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Tahun 2021 dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada hari ini, 6 Oktober 2022.
2. Jabatan Audit Negara (JAN) telah menambah baik persembahan LKAN mulai LKAN Tahun 2019 Siri 2 dengan menyediakan Ringkasan Penemuan Audit secara infografik bagi merumuskan hasil pengauditan secara keseluruhannya. Persembahan secara infografik diharap dapat membantu pembaca mendapatkan maklumat penting hasil daripada pengauditan yang dijalankan secara cepat dan tepat.
3. Pada hari pembentangan, JAN juga akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama penemuan Audit yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.

4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

4.1.1. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan **satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan** bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Bagaimanapun, Sijil Ketua Audit Negara mengandungi perenggan Penegasan Perkara.

4.1.2. Dalam perenggan **Penegasan Perkara**,¹ Ketua Audit Negara (KAN) menarik perhatian terhadap perkara seperti berikut:

- a. terimaan pinjaman kasar pada tahun 2021 berjumlah RM217.201 bilion (2020: RM194.555 bilion), iaitu meningkat sebanyak RM22.646 bilion atau 11.6%;
- b. sejumlah RM113.764 bilion atau 52.4% daripada jumlah pinjaman kasar yang diperolehi pada tahun 2021 telah digunakan untuk bayaran prinsipal pinjaman matang;
- c. daripada RM62.317 bilion yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan (2020: RM48.571 bilion), hanya 65.8% atau sejumlah RM40.994 bilion telah dibelanjakan untuk perbelanjaan pembangunan (2020: 77.3% atau RM37.530 bilion);

¹ Penegasan perkara adalah penekanan kepada sesuatu perkara fundamental yang pada pendapat Juruaudit perlu diberi perhatian tanpa menjejaskan pendapat Juruaudit.

- d. pinjaman kasar berjumlah RM217.201 bilion tersebut telah mengakibatkan peningkatan Hutang Persekutuan kepada RM979.814 bilion atau 63.4% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2021 (2020: RM879.560 bilion atau 62% kepada KDNK); dan
- e. premium bersih daripada Akaun Pinjaman Disatukan yang berjumlah RM3.120 bilion telah dilaraskan ke Akaun Penyelesaian Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan Malaysia. Sejumlah RM1.800 bilion daripadanya telah diiktiraf sebagai Hasil Bukan Cukai dan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan. Polisi pengiktirafan premium bersih sebagai Hasil Bukan Cukai adalah berbeza dengan prinsip pengiktirafan hasil asas tunai ubah suai, iaitu pada tahun hasil diterima.

4.2. Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan

Prestasi Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021 adalah seperti berikut:

4.2.1. Kerajaan Persekutuan memperoleh hasil berjumlah RM233.752 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM8.677 bilion atau 3.9% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM225.075 bilion. Perbelanjaan mengurus berjumlah RM231.516 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM6.916 bilion atau 3.1% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM224.600 bilion.

4.2.2. Lebihan hasil berjumlah RM2.236 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM1.761 bilion atau 371% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM0.475 bilion. Lebihan ini telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Perbelanjaan pembangunan berjumlah RM64.257 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM12.897 bilion atau 25.1% berbanding

RM51.360 bilion pada tahun 2020. Perbelanjaan Covid-19 adalah berjumlah RM37.711 bilion, iaitu menurun sejumlah RM308.22 juta atau 0.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM38.019 bilion.

4.2.3. Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit berjumlah RM98.740 bilion dengan nisbah 6.4% kepada KDNK (2020: RM87.645 bilion atau 6.2% kepada KDNK).

4.2.4. Hutang Persekutuan pada tahun 2021 adalah berjumlah RM979.814 bilion, dengan nisbah 63.4% kepada KDNK. Hutang Persekutuan meningkat sebanyak RM100.254 bilion atau 11.4% berbanding RM879.560 bilion atau 62% kepada KDNK pada tahun 2020.

4.2.5. Had statutori Hutang Persekutuan telah ditingkatkan daripada 60% kepada 65% kepada KDNK, berkuat kuasa mulai 18 November 2021 hingga 31 Disember 2022 berdasarkan peruntukan Akta A1635. Nisbah statutori Hutang Persekutuan yang melibatkan Bil Perbendaharaan Islamik, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sukuk Prihatin dan Sekuriti Kerajaan Malaysia berjumlah RM922.484 bilion adalah 59.7% kepada KDNK. Nisbah ini masih di bawah had statutori 65% kepada KDNK.

4.2.6. Aset Persekutuan yang berjumlah RM146.907 bilion terdiri daripada perkara berikut:

- a. Pelaburan Kerajaan Persekutuan dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa berjumlah RM33.862 bilion; dan
- b. Akaun Belum Terima Kerajaan Persekutuan berjumlah RM113.045 bilion yang terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai Akaun Belum Terima.

4.2.7. Liabiliti Persekutuan berjumlah RM1.298 trilion iaitu meningkat sebanyak RM111.026 bilion atau 9.4% berbanding tahun 2020 berjumlah RM1.187 trilion terdiri daripada Hutang Persekutuan RM979.814 bilion, Komitmen Kewangan RM282.276 bilion, Liabiliti PFI RM35.574 bilion, dan Pelbagai Liabiliti RM 0.151 bilion. Nisbah Liabiliti Persekutuan kepada KDNK adalah 84% pada tahun 2021.

4.3. LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Tahun 2021

4.3.1. Subseksyen 16 (1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Sebanyak 13 penyata kewangan kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dikemukakan dalam tempoh yang dibenarkan iaitu antara bulan Januari hingga April 2022.

4.3.2. Pengauditan yang dijalankan mendapati penyata kewangan bagi negeri Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Terengganu telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak 7 negeri diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain (Johor, Melaka, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak). Manakala 1 negeri (Kedah) diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Hal-hal Lain dan Penegasan Perkara. Kesemua penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5. Semua pegawai pengawal/pegawai kewangan negeri/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.
6. LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 6 Oktober 2022 selepas jam 10.05 pagi. LKAN peringkat negeri pula yang melibatkan 13 negeri hanya akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Undangan Negeri masing-masing. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan ini bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
Malaysia

6 Oktober 2022 M
9 Rabiul Awal 1444 H



LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021 boleh diakses melalui *QR Code* ini selepas jam 10.05 pagi (6 Oktober 2022)
<https://lkan.audit.gov.my/>